

Larangan bermegah dengan keturunan

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD

SYEIKH al-Maghari berkata: Nabi Muhammad s.a.w pernah berkhotbah ketika hajjatul wada', pada hari kedua dari hari Tasyrik dan menunjukkan kepada umatnya supaya meninggalkan sifat bermegah-megahan dengan keturunan.

Sabda Rasulullah, seraya bersabda: "Hai manusia, ketahuilah Tuhan kamu adalah satu dan ayah kamu adalah satu. Ketahuilah, tiada kelebihan bangsa arab terhadap 'ajam, begitu 'ajam terhadap bangsa arab. Tiada kelebihan bagi yang berkulit merah atas yang berkulit hitam dan begitulah bagi yang berkulit hitam atas yang berkulit merah kecuali dengan takwa. Tidakkah aku sampaikan? Mereka menjawab: Rasulullah telah menyampaikan."

Allah berfirman, *Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat Haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesarkan-Nya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi. Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia. (orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikitpun kebaikan di akhirat.*

Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.

Mereka itulah yang akan mendapat bahagian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan; dan Allah amat cepat hitungan-Nya. (al-Baqarah: 200 hingga 202)

Firman Allah s.w.t: *Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesarkan-Nya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi. Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia. (orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikitpun kebaikan di akhirat.*

Ibn al-Jauzi berkata: Sebab turun ayat ini dengan tiga pendapat:

i. Ahli jahiliah mereka berkumpul pada musim haji lantas menyebut tentang kehebatan nenek moyang mereka dan juga sejarah mereka dengan bangga diri. Inilah pendapat yang diriwayatkan daripada al-Hasan, 'Ata'

TAFSIR AL-QURAN & ASBABUN NUZUL

dan Mujahid.

ii. Orang arab apabila bercakap biasa menyebut: Dan demi ayahmu sesungguhnya mereka telah melakukan yang begini-begini. Inilah yang diriwayatkan oleh al-Hasan.

iii. Bahawa mereka apabila selesai melaksanakan ibadat haji lantas seorang bangunan di Mina seraya berkata: Ya Allah! Sesungguhnya ayahku seorang yang hebat, banyak harta. Justeru berilah aku seperti nya. Sedangkan tidak menyebut Allah sebaliknya menyebut ayahnya. Inilah pendapat al-Suddi.

Maksud ibadat di sini ialah:

i. Segala perbuatan haji seperti kata al-Hasan.

ii. Menumpahkan darah dengan sembelihan seperti kata Mujahid.

Sedangkan maksud menyebut ayah-ayah mereka dengan empat pendapat:

i. Mereka mengikrarkan dengan ayah mereka.

ii. Mereka bersumpah dengan ayah mereka.

iii. Mereka menyebut ihsan ayah mereka terhadap mereka sedangkan lupa ihsan Allah.

iv. Bahawa kanak-kanak menyebut ayah kerana permulaan percakapan mereka dengan menyebut ayah.

Firman Allah s.w.t: *Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka.* Maksud kebaikan di dunia di sini dengan tujuh pendapat ulama:

i. Isteri solehah seperti kata Ali.

ii. Ibadat seperti yang diriwayatkan oleh Sufyan bin Husein daripada al-Hsan.

iii. Ilmu dan ibadat seperti riwayat Hisyam daripada al-Hasan.

iv. Harta seperti yang diriwayatkan oleh Abu Wail, al-Suddi dan Ibn Zaid.

v. Kesihatan seperti kata Qatadah.

vi. Rezeki yang luas seperti pendapat Muqatil.

vii. Nikmat seperti kenyataan Ibn Qutaibah.

Kebaikan akhirat pula dengan tiga pendapat:

i. Bidadari seperti kata Ali.

ii. Syurga seperti pendapat al-Hasan, al-Suddi dan Muqatil.

iii. Keampunan seperti diriwayatkan

Kesenangan inilah yang memenuhi kekosongan jiwa mereka, melingkungi alam hidup mereka dan mengongkong mereka. Golongan ini mungkin dikurniakan Allah habuan kesenangan mereka di dunia, tetapi di akhirat mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan lagi

daripada al-Hasan dan al-Thauri.

Sayid Qutub berkata: Di sana ada dua golongan manusia. Satu golongan hanya berminat kepada kesenangan dunia.

Dahulu ada kaum Arab Badwi datang ke tempat wukuf di musim haji dan berdoa: Ya Allah ya Tuhanku! Jadikanlah tahun ini tahun hujan, tahun subur dan tahun beranak yang baik. Mereka tidak sedikitpun menyebut perkara akhirat.

Mengikut riwayat daripada Ibn Abbas r.a ayat ini diturunkan mengenai golongan manusia ini, namun begitu tujuannya lebih luas dan lebih kekal dari itu. Golongan manusia seperti ini merupakan contoh manusia yang berulang-ulang di setiap zaman dan tempat.

Mereka adalah golongan manusia yang hanya berminat kepada kesenangan hidup dunia sahaja. Kesenangan ini sahaja yang diingati mereka walaupun ketika mereka bertawajjuh kepada Allah.

Kesenangan inilah yang memenuhi kekosongan jiwa mereka, melingkungi alam hidup mereka dan mengongkong mereka.

Golongan ini mungkin dikurniakan Allah habuan kesenangan mereka di dunia, tetapi di akhirat mereka tidak akan mendapat apa-apa habuan.

Firman Allah s.w.t: *Mereka itulah yang akan mendapat bahagian yang baik dari apa yang telah mereka usahakan.*

Al-Zajaj berkata: Doa mereka dimustajabkan kerana usaha mereka di sini ialah dengan doa dan ayat ini mempunyai kaitan dengan yang sebelumnya kecuali diriwayatkan bahawa ia diturunkan atas sebab yang menyalahi sebab saudaranya yang lain.

Al-Dahhaq meriwayatkan daripada Ibn Abbas, seorang lelaki bertanya: Hai Rasulullah! Ayahku sudah meninggal dan belum melaksanakan ibadat haji. Adakah aku boleh menunaikan haji untuknya?

Lantas Rasulullah s.a.w bersabda: Jika sekiranya ayahmu mempunyai hutang adakah memadai daripadanya jika

dibayar? Jawabnya: Ya. Sabda Rasulullah: Maka hutang Allah lebih berhak dibayar.

Firman Allah s.w.t: *Dan Allah amat cepat hitungan-Nya.* Terdapat lima pandangan ulama:

i. Bahawa ia sedikitnya seperti kata Ibn Abbas.

ii. Bahawa ia amat dekat kedatangannya seperti kata Muqatil.

iii. Bahawa tatkala mengetahui apa yang akan dihisab dan sebelum hisabnya nescaya cepatlah perhitungannya seperti pendapat al-Zajaj.

iv. Allah amat cepat membalasnya seperti pendapat al-Zajaj.

v. Dia tidak memerlukan kepada sebarang fikiran seperti kata Abu Sulaiman al-Dimasyqi.

Iktibar dan pengajaran ayat

- Zikrullah digalakkan selepas selesai ibadat seperti selepas solat atau haji berdasarkan nas-nas yang sahih.
- Prof. Mahmud Yunus berkata: "Bahawa orang yang meminta keselamatan untuk di dunia sahaja, ia tidak akan berbahagia pada hari yang kemudian, kerana memang ia tidak peduli mengerjakan yang halal atau haram. Asal ia beroleh kesenangan di dunia ini."
- Perkara yang baik ialah orang yang meminta berbahagia di dunia dan akhirat. Permintaannya itu akan diterima oleh Allah, tetapi hendaklah disertakan dengan usaha dan kerja. Adapun semata-mata doa maka tidaklah mendapat kebahagiaan itu.

■ DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI ialah pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).